**Melengkapkan jadual dengan mengisi jawapan yang betul.**

| Pokok pinang | Pokok pinang merah |
|---|---|
| • Berbatang keras dan _____<br>• Pokok ini berbuah dan berwarna _____ apabila telah matang<br>• Buahnya _____<br>• Boleh _____ dengan sirih | • Berbatang keras dan _____<br>• Pokok pinang ini pokok _____<br>• Pelepahnya _____<br>• Buahnya _____ seperti telur |

## Pokok Pinang dan Pokok Pinang Merah

Hanif membaca maklumat tentang pokok pinang melalui Internet. Pokok ini berbatang keras dan tinggi. Pokok ini berbuah dan berwarna kuning apabila telah matang. Buahnya bulat dan boleh dimakan dengan sirih.

Seterusnya, Hanif membaca maklumat tentang pokok pinang merah. Pokok pinang ini pokok hiasan. Batang pokok ini keras dan tinggi. Pelepahnya pula merah. Buahnya bujur seperti telur.

Hanif dan bapanya membeli banyak anak pokok pinang dan anak pokok pinang merah. Pokok itu disemai di dalam polibeg. Apabila pokok itu membesar, mereka menjual pokok-pokok itu.

| | |
|---|---|
| bulat | tinggi |
| tinggi | kuning |
| merah | dimakan |
| bujur | hiasan |

LIVEWORKSHEETS